

Seragamkan kaedah penjurian FFM21

ANJAKAN SENI

Bersama ABD. AZIZ ITAR
aziz.itar@utusan.com.my

SEPANJANG 20 kali *Festival Filem Malaysia (FFM)* diadakan, setiap kali itu jugalah akan timbulnya peribahasa yang mengatakan 'rumah sudah siap, tetapi pahat masih berbunyi'.

Fenomena tersebut seakan-akan sukar dielakkan dari festival berprestij setahun sekali itu yang bertujuan mengiktiraf hasil kerja para karyawan fileman tempatan.

Saban tahun pastinya akan terdengar 'suara-suara sumbang' yang mempertikaikan keputusan panel juri dalam mengangkat pemenang bagi sesebuah kategori yang dipolemikkan itu.

Perkara tersebut timbul kerana *FFM* misalnya, belum menetapkan suatu kaedah penjurian khusus untuk dijadikan sebagai garis panduan utama yang harus diikuti oleh panel juri.

Suatu kaedah penjurian yang komprehensif, seragam dan telus haruslah dijadikan wadah serta panduan oleh setiap panel juri sebelum proses penjurian sesebuah kategori itu dijalankan.

Bukan setakat untuk makluman panel juri, tetapi garis panduan sistem penjurian yang lengkap, seragam dan sudah diuji keberkesannya juga haruslah dibukukan serta diedarkan kepada orang ramai.

Pendekatan itu amat penting untuk difahami oleh panel juri *FFM* selain orang ramai dan juga para calon dalam festival tersebut agar tidak timbul pertikaian serta kontroversi pada masa depan.

Setakat ini, pihak penganjur *FFM* mempunyai banyak pilihan dalam menggunakan kaedah-kaedah penjurian filem di mana ada di antaranya sudah terbukti keberkesannya dalam menghasilkan sesebuah keputusan.

Sebagai contohnya, menerusi buku bertajuk *Kaedah Penjurian Festival Filem - Pandangan & Kaedah* yang ditulis oleh pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Dr. Naim Ahmad.

Hasil kajian daripada buku itu yang bermula sejak 1984 dikatakan banyak membantu dalam proses penjurian beberapa anugerah termasuklah *Anugerah Skrin* anjuran TV3 sejak beberapa tahun lalu.

Dr. Naim antara lain mengunjurkan sistem penmarkahan yang dikenali sebagai Sistem Likert 5 Takat yang mewakili tahap-tahap tertentu iaitu 5.00 (untuk markah penuh) diikuti 4.00 hingga 4.99, 3.00 - 3.99, 2.00 - 2.99 dan paling rendah 0.01 - 1.99.

Sistem pemarkahan seperti itu dilihat lebih jelas berbanding sistem pemarkahan yang berdasarkan Sistem Angkat Tangan di mana keputusannya berdasarkan jumlah majoriti juri.

Begitu juga dengan Sistem Naratif yang menggunakan tahap penilaian berdasarkan kategori cemerlang, amat baik, baik, sederhana dan lemah.

Selain itu, kaedah penjurian



PROF. DR. NAIM AHMAD

berdasarkan Sistem Abjad iaitu A, B, C, D dan E serta Sistem Bintang seperti *****, ****, ***, ** dan * dilihat kurang konsisten jika ia digunakan dalam penjurian *FFM*.

Malah, Sistem Peratusan yang dikira berdasarkan 80 hingga 100 peratus (cemerlang), 60 - 79 peratus (amat baik), 40 - 59 peratus (baik), 20 - 39 peratus (sederhana) dan 01 - 19 peratus (lemah) juga harus diperhalusi penggunaannya.

Bagaimanapun, dalam hal ini, panel juri boleh menggunakan sistem peratusan di mana ia kemudiannya patut dipindahkan kepada Sistem Likert 5 dengan membahagikan peratusan yang diperolehi kepada 20 di mana 1 mata likert bersamaan dengan 20 peratus markah penjurian.

Terbukti berkesan

Itu antara kaedah yang digunakan dalam penjurian filem yang sudah terbukti cekap serta berkesan dan difahamkan *FFM* juga sudah mula menggunakannya pada festival sebelumnya.

Cuma yang menjadi masalah dalam pertikaian ini ialah, jika kaedah secara saintifik itu tidak digunakan secara menyeluruh oleh panel juri *FFM*.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Induk *FFM* terutamanya yang bertanggungjawab dalam penjurian haruslah menekankan serta memastikan penggunaan kaedah-kaedah seperti itu dipatuhi oleh panel juri yang mereka telah lantik.

Sayangnya, masalah itu tidak terhenti setakat itu sahaja apabila khabarnya ada pula di kalangan panel juri yang enggan mematuhi kaedah-kaedah penjurian, peraturan serta etika yang telah ditetapkan ke atas mereka.

Justeru, tidak hairanlah apabila ada di kalangan panel juri membuat keputusan berdasarkan pengamatan 'syok sendiri' ditambah lagi dengan adanya kepentingan peribadi, maka keputusan yang dikehendaki sering meragui banyak pihak.

Sehubungan itu, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM) dan Gabungan Persatuan-Persatuan Perfileman Malaysia (Gafim) selaku penganjur *FFM21* haruslah peka dan serius mencari jalar untuk menggunakan kaedah-kaedah penjurian filem yang lebih telus dan seragam.

FFM21 yang dijangka berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 hingga 3 Ogos ini tentunya boleh dijadikan suatu medan pelaksanaan kaedah-kaedah penjurian tertentu yang diharap dapat memuaskan hati semua pihak.

Jika tiada usaha dibuat bagi menghasilkan suatu garis panduan atau

kaedah khusus dalam penjurian *FFM*, dikhuatiri masalah ketidakpuasan hati dalam festival itu akan tetap terus berulang pada setiap tahun.

Malah, selama itu jugalah Finas, Gafim mahupun PFM terpaksa menganjurkan lebih banyak *Seminar Pembangunan Industri Perfileman* seperti mana yang mereka telah anjurkan di Dewan Orkestra Aswara, Kuala Lumpur, pada 26 April lalu semata-mata untuk mengatasi masalah tersebut.

Tetapi kesan yang paling besar daripada masalah itu ialah, ketidakpercayaan para peminat filem terhadap sesuatu keputusan pemenang dalam *FFM* yang selama ini dianggap cukup berprestij dan diiktiraf pula oleh kerajaan.